

UNISSA UNGGULI GIFA BUAT KALI KETIGA



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) mengungguli Global Islamic Finance Award (GIFA) untuk kali ketiga berturut-turut bagi Kategori GIFA Market Leadership Award 2021 (Education in Islamic Banking and Finance).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 September - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) sekali lagi melakar detik bersejarah apabila mengungguli Global Islamic Finance Award (GIFA) untuk kali ketiga berturut-turut bagi Kategori GIFA Market Leadership Award 2021 (Education in Islamic Banking and Finance), mendahului tiga calon institusi lain di peringkat global.

GIFA yang dianugerahkan oleh Cambridge International Finance Advisor, United Kingdom merupakan satu anugerah paling berprestij juga dihormati dalam dunia perbankan dan kewangan Islam global. GIFA dianugerahkan kepada kerajaan, institusi, dan individu yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam menyumbang kepada kemajuan bidang perbankan dan kewangan Islam sebagai sebuah sistem yang berdaya maju di arena global.

Pada setiap tahun, Jawatankuasa Anugerah GIFA mengiktiraf kerajaan, institusi juga individu dari seluruh pelosok dunia atas sumbangan luar biasa mereka kepada pembangunan bidang tersebut.

Kali pertama FEKIm UNISSA menerima Anugerah GIFA ialah pada 16 September 2019 dalam Majlis GIFA Ke-9, yang diadakan di Cape Town, Afrika Selatan. Hadir untuk menerima anugerah tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; dan Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Abdul

Nasir bin Haji Abdul Rani. Tetamu Kehormat pada majlis tersebut, Presiden Republik Afrika Selatan, Tuan Yang Terutama Matamela Cyril Ramaphosa.

Pada tahun berikutnya, penyampaian anugerah GIFA Ke-10 telah dilangsungkan pada 14 September 2020, di Islamabad, Republik Islam Pakistan. Acara penyampaian anugerah telah diadakan secara *hybrid* yang dihadiri oleh Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Dr. Arif ur-Rahman Alvi selaku tetamu kehormat dan disiarkan secara langsung dalam talian.

Melihat kepada situasi global yang pada masa ini masih berhadapan dengan ancaman penularan pandemik COVID-19, acara penganugerahan GIFA Ke-11 bagi tahun 2021 telah diadakan secara maya dan bersiaran secara langsung dari Kota London menerusi platform media sosial, seperti Facebook, YouTube dan laman sesawang rasmi GIFA.

Acara yang berlangsung selama satu jam setengah seawal jam 9.00 pagi waktu London itu ditonton oleh lebih daripada sejuta orang dari seluruh dunia. Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Presiden, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Ma'ruf Amin.

Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Abdul Nasir menerusi Mesej Video GIFA 2021

yang ditayangkan secara maya menyatakan, bahawa penganugerahan GIFA untuk kali ketiga berturut-turut ini merupakan satu penghormatan tertinggi, pengiktirafan yang berprestij juga pencapaian yang paling membanggakan kerana menjadi satu mercu tanda penting yang bersejarah dalam sistem pendidikan di UNISSA, yang baru mencapai satu dekad, khasnya dalam bidang pengajian Perbankan dan Kewangan Islam.

Jelasnya, anugerah GIFA yang diterima pada tahun ini menegaskan pendirian dan komitmen FEKIm UNISSA dalam usaha menyediakan platform pendidikan terbaik kepada para pelajar yang menceburkan diri dalam dunia kewangan Islam.

Pada kesempatan itu, beliau juga mengucapkan tahniah kepada seluruh tenaga akademik FEKIm, UNISSA atas sokongan dan prasetia mereka yang tidak putus-putus dan tidak berasa jemu untuk mendidik para pelajar dalam mempersiapkan diri menghadapi cabaran juga peluang kompetitif yang ditawarkan oleh dunia kewangan Islam semasa.

Ujarnya lagi, anugerah ini merupakan satu lagi pencapaian yang wajar dibanggakan dan dengan rendah hati mengucapkan terima kasih kepada pihak GIFA kerana sekali lagi memilih FEKIm UNISSA sebagai penerima anugerah berprestij tersebut pada tahun ini.



MINDA PEMBACA

Mempertahankan negara tugas mulia

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua negara kita Brunei Darussalam dapat menikmati suasana kehidupan yang aman, makmur dan sejahtera.

Selaku rakyat dan penduduk di negara ini adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kita untuk sama-sama menjaga kesejahteraan dan kemakmuran yang kita nikmati ini dengan sebaik-baiknya.

Tanggungjawab memelihara negara ini bukan sahaja bergantung kepada pemimpin dan anggota keselamatan,

seperti tentera dan pasukan polis, tetapi rakyat juga memainkan peranan untuk memastikan keselamatan negara di tahap yang baik dan aman.

Untuk mencapai kesejahteraan dan keamanan negara juga bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan persefahaman dan perpaduan semua pihak di samping memiliki pasukan yang mantap. Negara kita ini wajib kita jaga dan pertahankan kerana ia adalah tumpah darah kita yang kita warisi dari zaman dahulu lagi.

Begitu juga ketika negara kita dilanda pandemik COVID-19 pada masa ini, mencegah penularannya

bukan sekadar tanggungjawab para doktor, jururawat, para petugas barisan hadapan mahupun anggota-anggota beruniform. Ini adalah tanggungjawab kita bersama, tanggungjawab setiap seorang daripada kita selaku rakyat dan penduduk negara ini.

Kita perlu sedar bahawa ancaman yang mampu mengancam keselamatan negara bukan sahaja datang dari segi peperangan sahaja malahan serangan siber dan penularan wabak penyakit berjangkit juga mampu melumpuhkan keselamatan sesebuah negara. Oleh itu, kita sebagai rakyat berperanan untuk membantu negara mengawal

penurunan kes COVID-19 ini dengan mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Sesungguhnya mempertahankan negara adalah tugas yang mulia, oleh itu marilah kita bersatu padu dan bekerjasama dalam apa jua keadaan bagi melindungi dan mempertahankan negara yang kita cintai ini bak kata pepatah, 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'.

Nama : Siti Aishah Mu'izzah binti Awang Mahani
No. K/P : 01-062886 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mensyukuri Nikmat Kesihatan'. Tarikh Tutup : 15 September 2021
2. 'Masyarakat Berperanan Penting Bantu Kerajaan Tangani COVID-19'. Tarikh Tutup : 22 September 2021
3. 'Pembelajaran Dalam Talian Rangsang Kemahiran IT'. Tarikh Tutup : 29 September 2021

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang